

Persidangan antarabangsa FPP UMS medium terbaik teroka aspek psikologi dan budaya orang asal

UB 14.01.2023 P.08

KOTA KINABALU: Persidangan antarabangsa *International Conference on Indigenous and Cultural Psychology* (ICICP) 2023 menjadi medium terbaik menghim-punkan para ahli akademik dan penyelidik dari dalam dan luar negara untuk perbinca-nan dan peluang penerokaan ilmu berkaitan psikologi dan budaya orang asal.

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Datuk Dr. Kasim Hj. Mansor dalam satu kenyataan berkata, persidangan an-juran Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP) itu adalah peluang terbaik kepada para peserta untuk berkongsi kajian dan dapatkan berkaitan orang asal dan budaya.

“Masyarakat di Borneo khususnya mempunyai pel-bagai aspek untuk dikete-nahahkan, sama ada berkaitan bahasa, adat, seni, dan lain-lain tradisi.

“Persidangan kali ini turut membincangkan berkaitan kepimpinan, pencapaian dan kualiti kehidupan pasca pandemik COVID-19, dan ini adalah masa yang tepat untuk perbincangan tersebut melihat kepada pelbagai cabaran yang kita tempuh sejak beberapa tahun ini,” katanya.

Menurut beliau lagi, di sebalik pelbagai rintangan yang dihadapi, masyarakat mampu bertahan dan telah menyesuaikan diri dengan kehidupan norma baru.

“Kita menjadi lebih respon-sif terhadap keperluan perubahan termasuk dalam pendekatan dan kaedah dalam melakukan penyelidikan.

“Justeru, diharap persidangan dua hari ini mampu memungkin lebih banyak perbincangan konstruktif dan intelektual di bawah topik yang luas berkaitan bidang psikologi,” kata Kasim.

Dalam pada itu, Dekan



KASIM



SOKONGAN: Antara peserta persidangan yang hadir.

FPP, Prof. Dr. Murnizam Halik memaklumkan ICICP 2023 mempunyai pelbagai sub-tema di bawah bidang psikologi untuk perbinca-nan bersama delegasi tem-patan dan antarabangsa.

Katnya, persidangan se-cara hibrid itu juga adalah hasil daripada perkongsian kerjasama antara FPP dan *International Association of Indigenous and Cultural Psychology*.

“Selain pembentangan

peserta, terdapat 12 sesi ucaptama yang disampaikan oleh ahli-ahli akademik dari pelbagai institusi dalam dan luar negara.

“Saya juga melihat satu kolaborasi boleh dijalin ber-sama antara peserta melalui ICICP 2023 memandangkan pertemuan secara fizikal dan secara maya ini memberi kita peluang untuk meluaskan

jaringan kerjasama,” ujar beliau.

Seramai 250 peserta me-nyertai persidangan tersebut, melibatkan peserta tempa-tan dan dari luar negara, antaranya dari Jepun, Korea Selatan, United Kingdom, Itali, Amerika Syarikat, India, Hong Kong, Taiwan, Republik of Yemen, Paki-stan, dan Indonesia.



TERBAIK: Dekan FPP, Prof. Dr. Murnizam Halik bergambar bersama jawatankuasa persidangan.